



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

Kajian Penemuan Isu Pengauditan Projek JKR

Disampaikan Oleh :

Sr JASPAL SINGH A/L NACHATAR SINGH
Juruukur Bahan Kanan
Bahagian Komunikasi Korporat, CDPK

PENEMUAN KAJIAN

Antara kelemahan-kelemahan berulang yang ditemui di dalam LKAN bagi pelaksanaan/pentadbiran projek oleh JKR adalah:

1. Rundingan Harga
2. Dokumen Kontrak
3. Bon Pelaksanaan
4. Polisi Insuran
5. Wang Pendahuluan
6. Perolehan Khidmat Pengangkutan dan Peralatan
7. Arahan Perubahan Kerja (APK)
8. Lanjutan Masa (EOT)
9. Lukisan Siap Bina
10. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)
11. Bon Jaminan Rekabentuk
12. Tempoh Tanggungan Kecacatan
13. Penamatan Kontraktor

1. RUNDINGAN HARGA

ISU

- ❖ **Kelewatan Memuktamadkan Rundingan Harga**

ULASAN AUDIT

- ✓ **Perlu memastikan pelaksanaan projek rundingan terus dengan kontraktor tentang skop kerja, rekabentuk, harga dan tempoh siap serta lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan selepas Surat Niat dikeluarkan.**

ARAHAN BERKUATKUASA

RUNDINGAN HARGA

- 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) –
Perolehan Kerajaan 7.14 Garis Panduan Rundingan Harga Bagi
Rundingan Terus

2. DOKUMEN KONTRAK

ISU

- ❖ **Dokumen Kontrak Lewat Ditandatangani (melebihi 4 bulan) Dari Tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan**

ULASAN AUDIT

- ✓ **Perlu memastikan kontrak hendaklah ditandatangani selewat – lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan**
- ✓ **Didapati JKR tidak mengeluarkan surat peringatan secara berperingkat kepada kontraktor dan perunding bagi mempercepatkan proses menandatangani Dokumen Kontrak.**
- ✓ **JKR juga tidak memantau perkembangan penyiapan Dokumen Kontrak yang harus ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan bagi menjaga kepentingan kerajaan.**

ARAHAN BERKUATKUASA

DOKUMEN KONTRAK

- Satu dokumen yang merekodkan terma-terma kontrak bagi menjelaskan hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang berkontrak secara bertulis dan sangat penting dalam pelaksanaan kerja pembinaan.
- Kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua – dua pihak dan selewat-lewatnya dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.
- 1PP-PK 4 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin dan selewat-lewatnya empat (4) bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani.

3. BON PELAKSANAAN

ISU

- ❖ **Tempoh Liputan Bon Pelaksanaan Tidak Cukup**
- ❖ **Bon Pelaksanaan Tidak Dilanjutkan Selepas Lanjutan Masa (EOT) Diluluskan**
- ❖ **Tempoh Liputan Lanjutan Silap Selepas EOT Diluluskan**
- ❖ **Bon Pelaksanaan Luput Sebelum Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) Dikeluarkan**
- ❖ **Perbezaan Bayaran Kos Premium Bon Pelaksanaan Yang Sebenar Oleh Kontraktor Dengan Amaun Yang Diperuntukkan Dalam Kontrak Tinggi**

3. BON PELAKSANAAN

ULASAN AUDIT

- ✓ **Bon Pelaksanaan atau Wang Jaminan Pelaksanaan penting untuk menjamin kepentingan Kerajaan tidak terjejas;**
- ✓ **Perlu memastikan lanjutan Bon Pelaksanaan dibuat selepas EOT diluluskan dan tidak luput sebelum Perakuan Membaiki Kecacatan (CMGD) dikeluarkan.**
- ✓ **Perlu menyemak ketepatan amaun dan tempoh liputan yang dibuat oleh kontraktor.**

ARAHAN BERKUATKUASA

BON PELAKSANAAN

- Suatu sandaran yang dipegang oleh Kerajaan sebagai jaminan bagi memastikan kontraktor mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak;

Surat Arahkan KPKR 4/2018

- Tempoh sah laku Konvensional dan Reka dan Bina :
 - <RM10 juta : Dari tarikh kuatkuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan (DLP)
 - >RM10 juta : Dari tarikh kuatkuasa kontrak sehingga 24 bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan (DLP)

Peruntukan Syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010)

- Klausula 13.1(a) – Tempoh sah laku Bon adalah 12 bulan/24 bulan selepas tamat tempoh DLP@ daripada terkeluarnya sijil CMGD yang mana terkemudian.

4. POLISI INSURAN

ISU

- ❖ Kesilapan Tempoh Liputan Insurans Tanggungan Awam (<14 – 380 hari)
- ❖ Polisi Insurans Tidak Dilanjutkan Selepas EOT Diluluskan
- ❖ Tempoh Lanjutan Polisi Insurans Silap Selepas EOT Diluluskan (<5-470 hari)

ULASAN AUDIT

- ✓ Kecuaian pegawai dalam meneliti klausa polisi insuran dan memastikan ketepatan tempoh liputan serta memastikan polisi dilanjutkan selepas kelulusan EOT menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

ARAHAN BERKUATKUASA

POLISI INSURAN

Surat Arahkan KPKR bertarikh 9 Mei 2002 : Panduan Menetapkan Liputan Insurans Tanggungan Awam.

➤ **Tempoh Liputan Insuran :**

Insuran Kerja – Tarikh Milik Tapak sehingga Perakuan Siap Kerja

Insuran Tanggungan Awam – Tarikh Milik Tapak sehingga Perakuan
Siap Membaiki Kecacatan (CMGD)

➤ **Nilai Lindungan :**

Insuran Kerja – Jumlah Harga Kontrak

Insuran Tanggungan Awam - Ditetapkan berdasarkan risiko projek

Insuran Pampasan Pekerja - Bergantung kepada risiko projek, jumlah pekerja, dll oleh kontraktor

ARAHAN BERKUATKUASA

POLISI INSURAN

Peruntukan syarat kontrak PWD 203/203A (Rev 1/2010) : Panduan Menetapkan Liputan Insurans Tanggungan Awam.

➤ **Klausa 15.0 Insurance Against Personal Injuries & Damage to Property (3rd Party Liability) :**

1. **Validity Period C 15.1(c)** – Date of Prosession to CMGD
2. **Default Provision C 15.3** – The Government or S.O. on its behalf may effect or renew such insurance and shall be entitled to deduct from the Contractor plus on cost charges.

➤ **Klausa 16.0 Workmen Compensation Insurance**

1. **Validity Period C 15.1(c)** – Contract Period (Till CPC)
2. **Default Provision** - NONE

ARAHAN BERKUATKUASA

POLISI INSURAN

Peruntukan syarat kontrak PWD 203/203A (Rev 1/2010) : Panduan Menetapkan Liputan Insurans Tanggungan Awam.

➤ **Klausa 18.0 Insurance Of Work:**

1. **Validity Period C 18.1 (a)** – Contract Period (Till CPC)
2. **Default Provision C 18.2** – The Government or S.O. on its behalf may renew such insurance and pay the premium in respect there of and deduct the amount including on cost charges from the money due.

5. WANG PENDAHULUAN

ISU

- ❖ **Baki Bayaran Balik Wang Pendahuluan Tidak Dapat Dituntut Daripada Kontraktor**
- ❖ **Dokumen Jaminan Insurans Wang Pendahuluan Tidak Sah / Palsu**
- ❖ **Jaminan Wang Pendahuluan Tidak Dilanjutkan Selepas EOT Diluluskan / Tempoh Lanjutan Silap**

ULASAN AUDIT

- ✓ **Tempoh sah laku jaminan yang silap mengakibatkan kegagalan mengutip semula Jaminan Wang Pendahuluan**
- ✓ **Kerugian kepada Kerajaan dan kehilangan wang awam**
- ✓ **Perlu menyemak tempoh sah laku jaminan dan pastikan jaminan meliputi tempoh kontrak atau tempoh lanjutan yang diluluskan**
- ✓ **Tindakan merampas jaminan wang pendahuluan jika kontraktor gagal menjalankan obligasinya seperti dalam kontrak**

ARAHAN BERKUATKUASA

WANG PENDAHULUAN

➤ Syarat – Syarat Kontrak COC : 203/203A Rev1/2010 – Klausa 69
: DnB Rev1/2010 – Klausa 57

➤ Amaun Yang Layak :

Kontraktor Utama: Sehingga 25% daripada nilai kerja pembina (builder's work) atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah

Subkontraktor Dinamakan (NSC): Sehingga 20% daripada nilai kontrak NSC atau maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah

ARAHAN BERKUATKUASA

WANG PENDAHULUAN

➤ **Kutipan Bayaran Balik Belum Selesai**

Tambahan keperluan mengemukakan bon baru jika tempoh jaminan yang dilanjutkan melebihi tempoh lanjutan yang diperuntukkan dalam jaminan @ rampas BAKI Bayaran Pendahuluan belum dibayar balik dalam tempoh sah laku Jaminan

➤ **Tindakan apabila Jaminan Bank Hampir Luput**

- Menghantar peringatan pembaharuan kepada Kontraktor 3 bulan sebelum tamat sah laku BG
- Menghantar peringatan rampasan BG kpd Kontraktor 1 bulan sebelum tamat tempoh sahlaku BG
- BG segera dirampas sekiranya tiada tindakan pembaharuan ke atas BG diambil. (*Klausu 69.3*)
- Melaporkan secara bertulis kepada Bank Negara sekiranya pihak bank tidak memberi kerjasama

6. PEROLEHAN KEMUDAHAN KHIDMAT PENGANGKUTAN DAN PERALATAN

ISU

- ❖ Dibayar / Dibekal Walaupun Tiada Kelulusan Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK)
- ❖ Dibayar Tetapi Tidak Disediakan
- ❖ Kuantiti Kenderaan Dan Peralatan Dalam Dokumen Kontrak Berbeza Dengan Kuantiti Yang Diluluskan Oleh JKMPK
- ❖ Penyerahan Semula Kenderaan dan Peralatan
- ❖ Pembayaran Interim Tidak Mengikut Kadar Yang Ditetapkan

ULASAN AUDIT

- ✓ Kelulusan JKPMK perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum peruntukan bagi perolehan khidmat pengangkutan dan kemudahan peralatan dimasukkan ke dalam dokumen tender
- ✓ Kemudahan khidmat pengangkutan dan peralatan dibenarkan sekiranya mematuhi kriteria yang ditetapkan dan mendapat kelulusan Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan atau yang diberi kuasa.

ARAHAN BERKUATKUASA

PEROLEHAN KEMUDAHAN KHIDMAT PENGANGKUTAN DAN PERALATAN

- Kelulusan JKPMK tidak diperolehi terlebih dahulu sebelum dokumen kontrak disediakan sehingga menyebabkan terdapat kes kenderaan dan peralatan yang di bayar kepada kontraktor walaupun tiada kelulusan.
- Sekiranya kenderaan dan peralatan tidak dipulangkan dan kontraktor dengan sukarela berhasrat untuk menyerahkan hak milik tersebut, penyerahan hak milik tersebut perlu direkodkan dengan mengisi Borang Pengesahan Penyerahan Hak Milik Peralatan dan Pelepasan Membuat Tuntutan Terhadap Kerajaan

ARAHAN BERKUATKUASA

PEROLEHAN KEMUDAHAN KHIDMAT PENGANGKUTAN DAN PERALATAN

- 1PP – PK 4.6 & Surat Arahkan KPKR Bil 3 Tahun 2017 – Panduan Penggunaan Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan Untuk Pengurusan Projek Melalui Kontrak Kerja
- Surat Arahkan Cawangan Ukur Bahan: Ruj (23). UB (BPDI) 061.110/15 bertarikh 10 April 2017 - Kaedah pembayaran interim bagi perkhidmatan kenderaan adalah berdasarkan kos keseluruhan kenderaan dibahagikan mengikut tempoh asal kontrak.

7. ARAHAN PERUBAHAN KERJA

ISU

- ❖ Dokumen Ditandatangani Oleh Bukan Pegawai Diberi Kuasa
- ❖ Kerja Dilaksanakan Sebelum APK Diluluskan
- ❖ APK Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan

ULASAN AUDIT

- ✓ Pegawai yang tidak diberikuasa tidak boleh sama sekali menandatangani dokumen/perakuan yang dikeluarkan bagi mengelakkan sebarang implikasi perundangan.
- ✓ JKR dilihat tidak memantau dan tidak mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor dalam proses pengumpulan dokumen sokongan APK sekaligus menyebabkan kelewatan bagi kelulusan APK

ARAHAN BERKUATKUASA

ARAHAN PERUBAHAN KERJA

- Surat Arahkan KPKR Bil.5/2008 - Peraturan Mengenai Arahkan Perubahan Kerja Dan Pelarasan Harga Kontrak | Surat Arahkan KPKR Bil.16/2018 – Pelantikan Pegawai Yang DiBeri Kuasa Untuk Bertindak Bagi Pihak Kerajaan
- Peraturan Perubahan Kerja - AP 202.1(c)
 - Tempoh kontrak masih berjalan • Tidak menukar sebahagian besar skop kerja asal • Kerja tambahan : pelaksanaannya di tapak bina projek tersebut • Kerja gantian : perubahan dalam skop asal dan kerja asal dapat dikenalpasti
- Peraturan Perubahan Kerja - AP 202.2. Sebelum mengeluarkan arahan, perlu pastikan :
 - Kerja tersebut benar-benar perlu • Ada peruntukan yang mencukupi
 - Kelulusan Pihak Berkuasa diperolehi terlebih dahulu

8. LANJUTAN MASA (EOT)

ISU

- ❖ EOT Diluluskan Selepas Tarikh Siap Asal / Semasa
- ❖ EOT Diluluskan Selepas Perakuan Siap Kerja (CPC) Dikeluarkan
- ❖ *Time At Large*
- ❖ EOT terlalu lama menyebabkan Kontraktor menuntut kerugian dan perbelanjaan *yang tinggi*
- ❖ *Pengenaan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) tidak teratur*

8. LANJUTAN MASA (EOT)

ULASAN AUDIT

- ✓ Kelewatan JKR mengeluarkan EOT dan kegagalan mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) menyebabkan *"time at large"*
- ✓ Kerajaan hilang hak ke atas kontraktor untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan
- ✓ JKR telah meluluskan EOT selepas tarikh siap asal / semasa dan selepas CPC dikeluarkan

ARAHAN BERKUATKUASA

LANJUTAN MASA

- Surat Arahkan KPKR - Panduan Pemberian Lanjutan Masa Bagi Kontrak Kerja dan Tatacara Kelulusan Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa bertarikh 21 September 2017
- Borang Kontrak 203A; Fasal 43 – Apabila dikesan/dijangka kelambatan kerja sehingga kerja tidak dapat disiapkan pada tarikh siap asal/dilanjutkan, P.P atau wakil P.P dan Kontraktor hendaklah mengkaji sebab-sebab timbulnya kelambatan tersebut. Kontraktor akan diberikan lanjutan masa sekiranya dibuktikan bahawa kerajaan telah menyumbang terhadap kelewatan penyiapan kerja Kontraktor atau sebab-sebab kelambatan adalah diluar kawalannya.

9. LUKISAN SIAP BINA

ISU

- ❖ **Lukisan Siap Bina Lewat Dikemukakan :** Lukisan siap bina masih belum dikemukakan kepada pelanggan walau pun CPC telah dikeluarkan
- ❖ **Lukisan Siap Bina Berbeza Dengan Fizikal :** Fizikal kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor berbeza dengan lukisan siap bina

ULASAN AUDIT

- ✓ **Adalah didapati kegagalan menyerahkan lukisan siap bina dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan kerja-kerja penyenggaraan bangunan/peralatan/fasiliti sukar untuk dipantau.**
- ✓ **Lukisan siap bina tidak sama dengan fizikal kerja kontraktor di tapak .**

ARAHAN BERKUATKUASA

LUKISAN SIAP BINA

- Surat Arahkan KPKR 2 Tahun 2011 – Garis Panduan Lukisan Siap Bina

10. SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA (CPC)

ISU

- ❖ Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan sebelum kerja siap sepenuhnya
- ❖ CCC dikeluarkan sebelum mendapat kelulusan Pihak Bomba

ULASAN AUDIT

- ✓ COC (D&B Rev1/2010) menyatakan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan apabila Pengarah Projek (PD) berpuas hati bahawa kerja telah disiapkan sepenuhnya.
- ✓ Bangunan tidak dapat berfungsi dan digunakan sepenuhnya walaupun CPC telah dikeluarkan kerana masih terdapat peralatan yang belum dibekalkan dan kerja belum siap sepenuhnya.
- ✓ Kerajaan tidak boleh mengenakan LAD kerana CPC telah dikeluarkan sebelum kesemua bahagian bangunan boleh digunakan secara praktikal.

ARAHAN BERKUATKUASA

SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA (CPC)

- Peruntukan Syarat-Syarat Kontrak JKR 203A; Klausula 39.5 menyatakan kriteria yang perlu dipatuhi bagi pengeluaran Perakuan Siap Kerja :
 - Kerja siap mengikut peruntukan Kontrak
 - Memenuhi fungsi pembinaan dan boleh digunakan dengan selamat
 - Kerja telah siap tetapi mempunyai kecacatan minor sahaja
 - Lulus ujian / pentauliahan yang diperlukan
 - Keperluan utama perkhidmatan seperti yang termaktub dalam kontrak telah disediakan

11. BON JAMINAN REKABENTUK

ISU

- ❖ **Bon Jaminan Rekabentuk Untuk Projek Reka Dan Bina Tidak Dikemukakan Oleh Kontraktor**

ULASAN AUDIT

- ✓ **Klausa 14.3(a) PWD DB (Rev. 1/2010) syarat kontrak, kontraktor hendaklah mengemukakan bon jaminan reka bentuk semasa atau sebelum CPC dikeluarkan dan sah selama lima (5) tahun daripada tarikh CPC.**

ARAHAN BERKUATKUASA

BON JAMINAN REKABENTUK

- Klausa 14.3(a) PWD DB (Rev. 1/2010) syarat kontrak, kontraktor hendaklah mengemukakan bon jaminan reka bentuk.
- Klausa 14.3(c) PWD DB (Rev. 1/2010) jika kontraktor gagal untuk mengemukakan bon jaminan reka bentuk maka pihak Kerajaan/ S.O boleh menuntut jumlah 5% tersebut melalui Bon Jaminan Perlaksanaan.

12.Tempoh Tanggungan Kecacatan

ISU

- ❖ **Melanjutkan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) - COC for D&B Rev1/2010 Klausa 47 menetapkan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) adalah selama 24 bulan bermula dari tarikh perakuan siap kerja (CPC). Didapati tempoh pelanjutan DLP telah dilanjutkan di atas persetujuan pelanggan dengan JKR walaupun ianya bertentangan dengan Klausa kontrak;**
- ❖ **Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) tidak dapat dikeluarkan berikutan terdapat kerja pembaikan kecacatan yang belum selesai**
- ❖ **Penyata Akaun Akhir dan Perakuan Muktamad masih tidak disediakan walau pun projek telah diserahkan**

12.Tempoh Tanggungan Kecacatan

ULASAN AUDIT

- ✓ Tempoh tanggungan kecacatan adalah satu tempoh di mana kontraktor perlu memperbaiki apa-apa kecacatan yang dikenal pasti oleh pegawai penyelia selepas sesuatu kerja diperakukan siap (CPC). Semua perbelanjaan membaiki kecatatan hendaklah ditanggung oleh kontraktor dan tiada sebarang kos tambahan dikenakan kepada Kerajaan. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian, perbelanjaan yang dikenakan untuk memperbaiki apa-apa kecacatan hendaklah dituntut daripada bon pelaksanaan atau kontraktor. Ini adalah bagi menjamin kepentingan kerajaan.

PENJELASAN

TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

- Surat Arahan KPKR Bil.16/2018 – Pelantikan Pegawai Yang DiBeri Kuasa Untuk Bertindak Bagi Pihak Kerajaan. (Untuk tandatangan CMGD)
- Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula dari tarikh siap kerja yang praktikal dinyatakan dalam Perakuan Siap Kerja (CPC). Pada bila-bila masa dalam tempoh ini, Kontraktor hendaklah memperbaiki apa-apa kecacatan yang timbul dengan kosnya sendiri apabila P.P mengarahkannya.
- Di akhir Tempoh Tanggungan Kecacatan, satu lawatan bersama P.P, Kontraktor dan Pelanggan akan dijalankan. Apa-apa kecacatan mutu pembinaan atau bahan binaan perlu dikenalpasti oleh P.P dan mengeluarkan Jadual Kecacatan dalam tempoh 14 hari (konvensional) / 28 hari (reka dan bina)dari tarikh akhir Tempoh Tanggung Kecacatan

ARAHAN BERKUATKUASA

TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

- Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan tersebut dalam tempoh tidak lebih dari 3 bulan. Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan tersebut, maka P.P boleh melantik Kontraktor berasingan dengan segala kos + caj ke atas kos (*on cost charges*) sebanyak 10% ditanggung oleh Kontraktor.
- Kos tersebut akan ditolak dari baki wang yang ada dalam kontrak atau dari Wang Jaminan Pelaksanaan atau Bon Pelaksanaan. Perakuan Siap Membaiki Kecacatan hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor menandakan tamatnya obligasi Kontraktor di bawah kontrak. Wang Jaminan Pelaksanaan atau Bon Pelaksanaan hendaklah juga dilepaskan.

13. PENAMATAN KONTRAKTOR

ISU

- ❖ **Prosedur Penamatan Kontraktor Yang Tidak Teratur**
- ❖ **Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor(NPPKK) Dikeluarkan Lewat 14hari Dari Tarikh Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kontraktor(NUTPPKK)**

ULASAN AUDIT

NPPKK telah dikeluarkan melebihi 14hari dari tarikh NUTPPKK dikeluarkan menyebabkan penetapan syarat 14 hari pada notis yang dikeluarkan tidak dikuatkuasakan.

Sepatutnya, satu notis baru dikeluarkan 14 hari sebelum NPPKK bagi memastikan jarak tempoh antara kedua-dua notis tidak terlalu lama. Perkara ini penting kerana boleh dipertikaikan oleh Kontraktor dengan alasan *wrongful termination* disebabkan tiada notis dikemukakan sebelum penamatan kerana beranggapan notis asal telah batal.

ARAHAN BERKUATKUASA

PENAMATAN KONTRAKTOR

- Pindaan Kepada Arahan KPKR Bil.8/2013 Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor - **SA KPKR BIL.4/2017**
- Pematuhan tegas (Strict compliance) terhadap terma tersurat Klausa 51.0 PWD 203/203A (Rev 1/2010)

THANK YOU

GRACIAS
ARIGATO
SHUKURIA
DANKSCHEEN
TASHAKKUR ATU
SUKSAMA
BIYAN
SHUKRIA
GRAZIE
MEHRBANI
PALMEE
BOLZİN
MERCİ
JUSPAXAR
GOZANASHTE
EPCHAQIETO
NONADQUMEDA
E HEKKE
YAQHWYELAY
TIYQMI